

BERITA HARIAN

DATE: 15/6/2008

PM belum ada tarikh tepat serah jawatan

KUALA TERENGGANU:
"Yang tepat dari saya,
saya akan menyerah-
kan jawatan Perdana Menteri
kepada Datuk Seri Najib (Ra-
zak) kerana dialah yang saya
pilih untuk menggantikan sa-
ya dan tarikh yang tepat be-
lum lagi ditentukan," kata Da-
tuk Seri Abdullah Ahmad Ba-
dawi.

Perdana Menteri berkata,
beliau dan timbalannya sa-
ling memahami bahawa per-
alihan kuasa itu akan dija-
lankan dalam keadaan baik,
elok serta tersusun supaya
tidak menimbulkan apa-apa
masalah.

Beliau berkata, seperti
yang diperjelaskannya kel-
marin, beliau akan menye-
rahkan jawatannya itu kepa-
da Najib apabila tiba ma-
sanya seperti yang difahami
oleh mereka.

"Saya dan Datuk Seri Najib
memang memahami bahawa
peralihan kuasa akan dija-
lankan dalam keadaan baik,
yang elok dan tersusun serta
tidak menimbulkan apa-apa
masalah," katanya pada si-
dang media selepas menga-
dakan perjumpaan tertutup
dengan kepimpinan kera-
jaan Terengganu serta wakil
rakyat Barisan Nasional (BN)
di Primula Beach Resort, di
sini, semalam.

Abdullah berkata, apabila
masa itu tiba, peralihan itu
akan dilaksanakan sebagai-
mana mereka berdua sama-
sama fahami.

Semalam, Abdullah dila-
porkan berkata, beliau dan
Najib sudah bermuafakat ser-
ta bersetuju mengenai masa
terbaik untuk melaksanakan
peralihan kuasa kepada tim-
balannya itu.

Perdana Menteri berkata,
semua pihak tidak perlu lagi
membuat spekulasi atau
membangkitkan perkara itu
kerana memang sudah ada
persetujuan antara beliau de-
ngan Najib mengenainya, se-
lain tiada masalah antara me-
reka berdua.

Katanya, apa yang lebih
utama sekarang, beliau dan
Najib sentiasa bekerja keras
untuk kemajuan negara dan
memulih serta membina se-
mula kekuatan Umno.

Sementara itu, ketika ber-
ucap pada majlis makan te-
ngah hari bersama pemimpin
masyarakat dan pegawai ka-
nan kerajaan, Abdullah ber-
kata: "Saya dan Najib telah
bermuafakat dan kita berdua
telah bersetuju bilakah ma-
sanya saya bersara dan bi-
lakah masanya Najib akan
ambil alih sebagai Perdana
Menteri."